


KISAH RYAN KAJI SI JUTAWAN CILIK YOUTUBE

Oleh: Aniqah binti Abd.lah, 1171070

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 29 Mac 2020



Saluran Ryan's World mempunyai tontonan video tertinggi sebanyak 1.9 billion tontonan

Mungkin ramai yang tidak tahu nilai kekayaan seorang pengendali saluran YouTube boleh mencapai angka yang jauh lebih tinggi daripada mereka yang berniaga. Lebih menarik, pengendali saluran YouTube hanya perlu mengeluarkan sedikit modal sahaja tanpa perlu memikirkan tentang risiko kerugian.

Salah seorang daripada mereka ialah kanak-kanak bernama Ryan Kaji yang berasal dari Texas, Amerika Syarikat. Pada tahun 2019, Ryan berjaya meraih pendapatan berjumlah AS\$26 juta (RM107 juta) melalui YouTube dan ketika itu, dia baru berusia 8 tahun.

Jumlah itu merupakan yang tertinggi dalam senarai pendapatan pengendali YouTube yang dikeluarkan oleh *Forbes*. Pendapatan Ryan juga meningkat berbanding AS\$22 juta (RM96 juta) yang diperoleh pada tahun sebelumnya.

Kekayaan yang menjadikan Ryan jutawan cilik dalam kalangan generasi Alpha itu diperoleh melalui saluran *Ryan's World* yang dilancarkan oleh ibu bapanya pada tahun 2015. Jumlah pelanggan saluran itu melonjak secara mendadak kepada 24.4 juta orang dan terus meningkat setiap tahun.

Seperti kanak-kanak yang sebaya dengannya, Ryan gemar bermain kereta mainan, menonton rancangan kartun di saluran Disney dan suka membina blok bangunan menggunakan Lego.

Walau bagaimanapun, cara Ryan bermain agak berbeza dengan kanak-kanak lain. Dia hanya bermain apabila aksinya dirakam oleh kamera. Seterusnya, video Ryan yang disiarkan melalui saluran *Ryan ToysReview* mula mendapat sambutan jutaan peminat dalam kalangan kanak-kanak yang masih di peringkat prasekolah dan sekolah rendah.

Ryan juga sangat menggemari aksi popular 'buka kotak' di mana dia akan membuka balutan mainan baharunya sambil membuat ulasan. Dalam videonya yang paling popular, Ryan membuka balutan dan mempamerkan riak wajah teruja apabila melihat mainan daripada karakter animasi kesukaannya.

Telatahnya yang dirakam dalam video-video pendek dan ringkas dan dimuat naik ke saluran YouTube menjadikan Ryan sebagai pengengaruh kanak-kanak paling popular di dunia. Rekod Dunia Guinness mengiktiraf populariti Ryan berikutan kejayaannya mencatatkan rekod tontonan YouTube tertinggi.

Di Toy Fair 2018 New York, bapa Ryan mengumumkan pelancaran jenama mainan Ryan's World yang dihasilkan dengan kerjasama PocketWatch dan Bonker Toys. Mainan tersebut buat pertama kali dijual secara eksklusif di Walmart pada 6 Ogos 2018.

PocketWatch iaitu sebuah syarikat yang mengeluarkan mainan kanak-kanak menjelaskan, video Ryan mempengaruhi industri mainan terutamanya yang ditonton berjuta-juta kali sekali gus dapat meningkatkan angka jualan.

Menurut *Forbes*, Ryan berjaya memintas saluran *Dude Perfect* yang dikendalikan oleh lima sahabat di mana pendapatan yang mereka perolehi adalah sebanyak AS\$20 juta (RM82 juta). Saluran *Dude Perfect* mempunyai lebih 24 juta pelanggan dan para pengendalinya mendapat kontrak lakonan dalam rancangan televisyen *Dude Perfect Show*.

Bagaimana pula dengan kanak-kanak Malaysia yang kini berusia 8 tahun? Adakah mereka sedang belajar menunggang basikal atau mempunyai impian untuk menjadi seorang jutawan cilik seperti Ryan?



Saluran Ryan's World yang dilancarkan oleh ibu bapanya pada tahun 2015